

## SIGNIFIKAN DIALOG KEHIDUPAN DALAM ARENA WACANA PENDIDIKAN BERSAMA: PENGALAMAN DALAM KALANGAN KOMUNITI SAUDARA BARU CINA TERENGGANU

Azarudin Awang<sup>1</sup>, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali<sup>2</sup>, & Razali Musa<sup>3</sup>

<sup>1</sup>UiTM Terengganu

<sup>2</sup>Universiti Malaya

<sup>3</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

### ABSTRAK

Hubungan yang erat komuniti Cina dan Melayu di negeri Terengganu ditonjolkan melalui perkongsian budaya, pergaulan dan pendidikan. Proses sosialisasi yang berlaku antara komuniti yang berbeza kepercayaan ini khususnya melalui pendidikan di sekolah yang sama banyak mendedahkan aspek-aspek pengajaran agama orang lain. Pendedahan sedemikian sekali gus memberi kefahaman dan membetulkan salah faham terhadap agama rakan yang berlainan agama. Hubungan antara agama yang berlaku secara tidak dirancang dan berlaku secara spontan ini dikenali sebagai 'dialog kehidupan'. Objektif kajian ini adalah bertujuan melihat pengalaman peserta kajian yang terdiri daripada komuniti Saudara Baru Cina di negeri Terengganu dalam penglibatan dalam dialog kehidupan di sekolah yang sama. Metodologi kualitatif dengan temu bual ke atas 20 orang komuniti Cina Muslim yang terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu di Kompleks Darul Hidayah, Kuala Terengganu. Ternyata hasil dapatan menunjukkan bahawa perkongsian pendidikan dengan rakan Muslim di sekolah sedikit sebanyak mendedahkan kalangan Saudara Baru ketika pra konversi terhadap elemen-elemen agama Islam. Ini bermakna pendedahan budaya, adat resam dan agama masyarakat yang berbeza agama melalui instrumen pendidikan mampu memupuk perpaduan kaum kerana pembelajaran sedemikian akan melahirkan sikap menghargai dan menerima perbezaan yang wujud dalam agama orang lain dengan terbuka.

**Kata kunci:** Dialog kehidupan, memahami agama Islam, pendidikan

### ABSTRACT

*The close relationship of Chinese and Malay communities in Terengganu state are highlighted through cultural sharing, socializing and education. Socialization process that occurs between communities with a different faith through education at the same school revealed many aspects of religious teaching of others. Such disclosures gave more understanding and correct any misconceptions about others religious. The relationship between religion that occurred unplanned and spontaneous known as 'dialogue of life'. The objective of this study aims to see the Chinese Muslim Converts experience in the state in engaging in a dialogue of life at the same school. Qualitative methodology with interviews of 20 Chinese Muslim community involved in activities organized by the Islamic Religious Council and Malay Custom (MAIDAM) Terengganu at Darul Hidayah Complex, Kuala Terengganu. The findings showed that having same education with Muslim friends at school exposed some elements of Islam among Chinese Muslim during pre conversion. This means that exposure to the culture, customs and religion of the different religious communities through educational program capable of fostering racial unity because such learning will express appreciation and accept differences in religion openly.*

**Keywords:** Dialogue of life, understanding Islam, education

### PENDAHULUAN

Tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan agama sering kali mencetuskan salah faham, fanatisme dan polemik. Dalam konteks hubungan Muslim dan Non Muslim, citra yang dipaparkan kadang kala seolah-olah memberi gambaran yang menyeleweng tentang dunia Islam dan umatnya. Tambahan lagi, unsur-unsur progresif dan dinamik yang kurang ditonjolkan secara ilmiah dan berkesan oleh masyarakat Muslim menyebabkan imej Islam yang kabur terus kekal dalam pemikiran masyarakat bukan Muslim. Lantaran itu, sentimen dan kesetiaan terhadap kepercayaan masing-masing apabila bertembung dengan kepercayaan masyarakat lain pastinya melahirkan persaingan antara

kelompok agama yang akan mencetuskan konflik dan ketegangan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berhubung konflik sosial yang berlaku di Malaysia antara tahun 1996-2002 menunjukkan isu yang berhubung dengan perkauman merupakan isu yang tertinggi dengan jumlah 81 kes daripada 223 kes. Kebanyakan isu ini berlaku dalam kalangan remaja di sekolah-sekolah (Mohd Farid et al., 2012). Ini bermakna, masalah yang berhubung dengan etnik dan agama ini berlaku di mana-mana dan tanpa mengira lingkungan umur.

Kemelut dan salah faham antara kaum yang timbul di negara ini meliputi persoalan yang pelbagai dan rencam. Hakikat membuktikan bahawa setelah berakhirnya Perang Dunia Ke Dua, Malaysia berhadapan beberapa siri konflik antara kaum seperti di Batu Pahat (1945/46), Batu Malim, Raub (1946), Batu Kikir (1946), Pulau Pinang (Januari 1958), Pulau Pangkor (Mei 1959), Bukit Mertajam (1967) Kuala Lumpur (Mei 1969), Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998) dan Kampung Medan, Kuala Lumpur (2001) adalah berpunca perbezaan nilai di antara kelompok etnik (Syed Husin, 2008). Termasuk juga di sini permasalahan yang berhubung kait dengan isu-isu keagamaan. Peristiwa pelontaran anggota babi di masjid, perarakan kepala lembu serta pembakaran gereja dan surau kadang kala dilihat amat menggerunkan masyarakat (Dawi, 2010). Boleh dikatakan, ketegangan yang melibatkan persoalan agama dan adat resam ini boleh berlaku di mana-mana. Hembusan konflik yang berbau keagamaan ini juga turut berlaku di negeri Terengganu, Tan Chee Beng (2001) menyenaraikan beberapa pertembungan isu-isu yang berkaitan agama yang menimbulkan polemik dan rasa tidak puas hati dalam kalangan komuniti Cina. Antaranya ialah perbuatan remaja Melayu yang menceroboh dan mencuri peralatan yang digunakan di kuil Sam Poh Kong, Kampung Tirok seperti pedang, perobohan kubur lama Cina oleh setinggan dari komuniti Melayu (1986), merosakkan patung singa dan bunga lotus di perkuburan Cina (1987) dan mengecat kubur Cina dengan simbol parti PAS (1986). Fenomena ini menimbulkan rasa kegusaran yang selanjutnya menanamkan persepsi yang negatif tentang Islam dan masyarakatnya dalam kalangan masyarakat Cina. Ini adalah kerana, tindakan sedemikian menggambarkan sikap kurang hormat dalam kalangan komuniti Melayu Muslim terhadap hak beragama masyarakat Cina. Suasana di atas memperlihatkan simpton-simpton yang boleh membawa ketegangan antara agama dan kaum ini berlaku di mana-mana dan amat memerlukan kepada penyelesaian pada peringkat akar umbi. Sehubungan dengan itu Mansor (2010) menyatakan isu-isu etnik dan agama yang dicanangkan tanpa menoleh punca akar umbi memberi implikasi ke atas kumpulan sosial, etnik dan agama dalam masyarakat mempunyai tahap toleransi dan sensitiviti yang berbeza-beza. Justeru itu, bagi merungkaikan permasalahan tersebut sewajarnya perbincangan, diskusi dan wacana yang berhikmah perlu dilakukan bagi pada peringkat akar umbi agar pemahaman dan salah faham terhadap agama rakan yang berbeza agama dapat diperbetulkan. Untuk itu, dialog antara agama dilihat satu mekanisme kepada masyarakat yang berbeza agama untuk menonjolkan amalan agama masing-masing di samping membetulkan salah faham dan salah tanggapan dalam kalangan masyarakat yang berbeza agama.

Kamar Oniah (2010) menyatakan bahawa dialog antara agama merupakan diskusi yang melibatkan pelbagai masyarakat bagi memahami persepsi dan pendirian sesuatu isu yang menyentuh perihal agama dan perlu diselesaikannya secara terbuka. Osman Bakar (2008) menyarankan dialog perlu dijadikan sebagai satu mekanisme bagi mengikis kebencian yang berkembang dalam kehidupan manusia yang berpunca daripada salah faham "*misperceptions*" agama dan budaya. Azmil Zainal Abidin (2005) mengkategorikan tiga motif dialog antara agama iaitu untuk persefahaman, konversi dan membincangkan tentang doktrin agama. Perkembangan semasa memperlihatkan dialog antara agama begitu relevan dalam kehidupan masyarakat majmuk khususnya di Malaysia. Rahimin Affandi et al. (2011) menyatakan realiti fenomena globalisasi yang memungkinkan proses penyebaran maklumat khususnya tentang sesuatu agama menjadi lebih terbuka dan boleh diperoleh oleh sesiapa sahaja. Ini bermakna penyebaran dan pengembangan ilmu tentang dialog menjadi lebih mudah apatah lagi semua agama di dunia ini menganjurkan hidup harmonis dan menghormati agama lain. Evolusi dialog antara agama sebagai satu disiplin ilmu dan medium interaksi yang didasarkan kepada nilai-nilai spiritual dan perkongsian hidup ini selanjutnya diperincikan kepada empat bentuk iaitu dialog kehidupan, dialog karya (dialog tindakan bersama), dialog pengalaman agama dan dialog teologi. Dialog kehidupan merupakan satu-satunya dialog agama yang diaplikasikan oleh semua kategori manusia dan ianya merupakan peringkat dialog yang paling mendasar. Ini adalah kerana, dalam perkongsian hidup dengan penganut agama yang lain, kita tentu berusaha untuk bertegur sapa, bergaul, saling mendukung dan saling membantu antara satu sama lain. Hal itu dilakukan bukan saja demi tuntutan sopan santun dan etika pergaulan, tetapi juga ianya juga merupakan tuntutan kepada setiap agama (Fitzgerald, 2005).

Dalam konteks ini Volker (2004) menyatakan dialog kehidupan bersifat pra-konseptual kerana matlamatnya adalah mewujudkan perkongsian hidup yang aman dan sejahtera. Bagi mewujudkan satu masyarakat multi etnik yang

mempunyai kefahaman sebenar tentang agama komuniti lain, Azizan Baharudin (2008) mencadangkan agar di dalam kehidupan seharian masyarakat pelbagai kaum dan agama saling perlu memperkaya fahaman masing-masing dengan mempraktikkan nilai-nilai peradaban dan tradisi mereka melalui proses bekerjasama, berkomunikasi dan hidup bersama-sama. Suasana sedemikian boleh dilakukan di mana-mana ruang kehidupan manusia sama ada di pejabat, di sekolah, di hospital, di dalam kenderaan awam dan sebagainya. Dalam kata yang lebih mudah, pemupukan persefahaman bukan hanya melibatkan komuniti pemimpin agama, malah ianya boleh melibatkan setiap individu yang hadir dalam masyarakat (Samwini, 2010). Selain daripada itu, dialog kehidupan merupakan satu elemen interaksi agama tanpa bercakap (*non-verbal*) yang berkesan dalam memberi kefahaman terhadap perbezaan nilai yang wujud dalam satu agama. Ini bermakna setiap manusia yang mengikuti amalan agama masyarakat lain mampu mengungkap persoalan terhadap budaya hidup yang beraneka (Hensman, 1999). Gambaran awal di atas menjelaskan bahawa dialog antara agama bukan hanya kegiatan formal yang bersifat ilmiah yang melibatkan tokoh-tokoh agama bagi menggembelng kerjasama dan kepentingan bersama tetapi ia juga berperanan memupuk hubungan antara setiap anggota masyarakat. Menurut Swidler (2003), konsep sebenar dialog antara agama bukan hanya dibincangkan oleh wakil-wakil agama tetapi dialog sewajarnya turut melibatkan semua anggota masyarakat. Mengambil kira perbezaan yang wujud dalam kehidupan manusia tidak boleh dilakukan melalui kaedah pemaksaan terhadap orang lain agar menerima atau meyakini seperti apa yang kita alami. Maka dengan itu dialog dilihat sebagai satu bentuk mekanisme bagi memupuk sikap saling hormat-menghormati, sayang menyayangi dan saling mempercayai dalam masyarakat majmuk. Hal ini boleh dicapai apabila dialog dilangsungkan dalam keadaan terbuka, terkawal dan wujud rasa hormat menghormati antara satu sama lain. Dalam kata lain dialog bukan hanya membincangkan konflik tetapi ia juga berfungsi untuk mencari titik pertemuan antara agama bagi membendung sebarang bentuk persengketaan.

Menyedari akan kepentingan dialog kehidupan dalam kehidupan masyarakat yang beraneka kepercayaan didapati beberapa kajian telah dilakukan oleh penyelidik. Samwini (2010) dalam tulisannya menjelaskan bahawa dialog kehidupan merupakan perkongsian masyarakat pelbagai agama seperti meraikan sambutan perayaan, menziarahi jiran tetangga yang berlainan agama, meraikan sambutan hari kelahiran bayi dan berkongsi kesedihan apabila berlakunya kematian. Wan Ariffin et al. (2011) mendapati bahawa tahap penglibatan masyarakat Kristian dan komuniti Muslim di Tebedu, Sarawak cukup tinggi walaupun mereka kurang memahami konsep dialog kehidupan. Suraya (2012) menyatakan wujud unsur-unsur persamaan dalam aspek budaya hidup pelbagai komuniti di Sabah menjadikan mereka masyarakat bertoleransi dalam agama. Pengalaman sedemikian ditonjolkan melalui tinggal sebumbung dengan keluarga yang berlainan agama, pergaulan, rakan sepasang dan pendidikan. Berkait dengan pendidikan, Ahmad Ali et al. (2012) menyatakan bahawa perkongsian pendidikan dari pelbagai budaya dapat membangunkan kefahaman tentang budaya kaum lain, membentuk sikap terhadap kebudayaan; dan kepelbagaian bangsa dan merupakan satu proses pembelajaran terhadap nilai-nilai dan budaya orang lain. Justeru, Mansor (2006) menyatakan pendidikan yang melibatkan pelajar yang pelbagai budaya dan agama ini mampu membentuk sosialisasi ke arah integrasi nasional.

## **Latar Belakang Komuniti Cina Terengganu**

Sejarah awal masyarakat Cina di negeri Terengganu memperlihatkan kehadiran mereka ke bumi Terengganu adalah dari gelombang yang pertama iaitu kelompok pedagang yang datang ke Alam Melayu secara suka rela. Mansor et al. (2006) menyatakan pada gelombang kedua komuniti Cina di bawa masuk ke Tanah Melayu secara besar-besaran oleh pihak British untuk bekerja di sektor perlombongan yang berkembang pesat pada abad yang ke 18. Faktor ini menyebabkan kelompok Cina dapat mengadakan perhubungan lebih licin dengan budaya Melayu tempatan berbanding masyarakat Cina yang tiba pada zaman penjajahan Inggeris (Lamat 1975, Tan Chee Beng 2002). Justeru itu, komuniti Cina Terengganu banyak mengintegrasikan budaya masyarakat Melayu di sekeliling dalam kehidupan seharian. Paradigma sebegini boleh diperhatikan dalam aspek pakaian, tempat tinggal, makanan, bahasa dan perkahwinan sehinggalah ia mencipta satu identiti yang tersendiri (Tan Chee Beng, 2002). Mohd Taib (2003) berpendapat situasi sebegini dapat melahirkan lebih banyak persamaan di antara budaya dan mungkin mengurangkan titik yang menjadi pertentangan.

Laporan kependudukan negeri Terengganu terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) menunjukkan jumlah penduduk Cina di negeri ini ialah seramai 27,900 orang atau berjumlah 2.4% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Walaupun mewakili peratus yang kecil namun masyarakat Cina merupakan kelompok yang kedua terbesar di negeri Terengganu. Kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu tinggal di bandar-bandar utama di negeri ini. Proses sosialisasi yang berlaku antara komuniti Cina yang menganut pelbagai kepercayaan yang diwarisi dari Tanah Besar dengan komuniti Muslim menyebabkan dalam kalangan mereka melakukan pemelukan

agama Islam. Dalam perihal ini Norhana (2012) menyatakan penglibatan awal dalam dialog kehidupan seperti pendidikan, tinggal sekampung, pergaulan yang selanjutnya mendorong kepada perkahwinan campur merupakan faktor berlakunya penukaran agama dalam kalangan komuniti Cina. Ini bermakna hubungan antara agama Non Muslim dan Muslim melalui jalinan dialog kehidupan membuka ruang yang luas dalam kalangan komuniti Cina untuk melakukan pemelukan agama Islam.

Dalam konteks pengurusan dan pentadbiran Saudara Baru Cina, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Terengganu atau dikenali sebagai MAIDAM merupakan satu-satunya badan kerajaan yang berfungsi untuk memastikan komuniti ini berada pada landasan yang betul. Pengurusan terhadap Saudara Baru di daerah Kuala Terengganu diletakkan di bawah pengelolaan Pusat Latihan Saudara Baru di Kompleks Darul Hidayah, MAIDAM yang terletak di Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Dalam konteks pemelukan agama Islam di negeri Terengganu, komuniti Cina merupakan etnik yang terbesar memeluk agama Islam dan sekali gus menjadikan kumpulan terbesar yang melibatkan diri dalam segala aktiviti yang dianjurkan di Kompleks Darul Hidayah (Abdul Halim, 2012).

### **Arena Dialog Kehidupan Melalui Wacana Pendidikan**

Sememangnya, sektor pendidikan dilihat sebagai instrumen yang penting dalam menerapkan perpaduan kaum khususnya dalam kalangan generasi muda. Abdullah Badawi ketika menjadi Menteri Pelajaran pernah menyatakan 'sekolah-sekolah adalah tempat yang paling sesuai untuk menyemai benih-benih perpaduan' (Mahadzir, 2005). Dalam perihal ini, Mohd Ridzuan (2010) menyatakan bahawa sekolah berperanan mensosialisasikan pelajar walaupun mempunyai perbezaan latar belakang politik dan sosial. Perhubungan bersama ini dapat dieratkan melalui perkongsian tempat belajar, kantin, perpustakaan, bilik darjah dan sebagainya. Dalam kata lain dialog kehidupan melalui 'pendidikan bersama-sama' memberi impak yang positif kepada semua pihak. Perkongsian sedemikian mendedahkan setiap anggota yang terlibat melihat lebih dekat fenomena agama yang berlaku dalam kehidupan rakan yang berbeza agama. Sekali gus ia mendedahkan setiap peserta untuk menghargai, menerima dan menghormati perbezaan yang ada pada masyarakat lain. Jalinan dialog kehidupan yang berlaku di pusat pendidikan ini menjadi satu mekanisme kawalan agar masalah prasangka, ekstrem dan fatalism tidak menjadi semakin buruk khususnya dalam pemikiran sarwa masyarakat. Menurut Mahadzir (2005), di sekolah yang merangkumi pelajar yang pelbagai etnik, nilai toleransi, kerjasama, berbaik sangka, kekitaan, hormat menghormati di antara satu sama lain mampu diperkukuhkan melalui penglibatan bersama dalam aktiviti yang dirancang. Sejalan dengan itu, Ismail al-Faruqi (2008) menyarankan agar dialog perlu bergerak melalui pendidikan kerana ia membawa manusia mencerminkan dirinya sendiri, memahami nilai dan mendedahkan etosnya kepada orang lain. Walaupun kadang kala inisiatif ini dilihat begitu kecil peranannya, ia mampu membuahkan perubahan besar kerana dapat menghilangkan perasaan negatif.

Kajian tentang peranan kerjasama dalam pendidikan '*education collaborative*' sebagai mekanisme penyuburan dialog kehidupan telah dinyatakan oleh Muhammad Nur Manuty (1997). Aktiviti kolaborasi '*Spiritual Camp 2009*' anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia dan *Malaysia Young Movement (MYM)* yang merupakan organisasi belia Cina dari Port Dickson, Negeri Sembilan memberi pendedahan perihal nilai kehidupan komuniti yang berbeza agama dan budaya. Dalam aktiviti ini, golongan belia Muslim mendapat pendedahan tentang senaman *Tai Chi* yang merupakan ritual yang sering kali ditonjolkan dalam peribadatan agama Buddha. Manakala golongan belia Cina yang beragama Buddha didedahkan tentang pelaksanaan amalan solat secara individu dan berjemaah oleh belia-belia Muslim. Berkaitan dengan ini juga Khadijah Mohd Khambali @ Hambali et al. (2010) menyatakan dialog kehidupan yang berlaku dalam suasana '*classroom experience*' seperti bengkel atau perkhemahan sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad Nur Manuty berlaku dalam bentuk yang formal. Manakala metode '*outside classroom*' merupakan perkongsian pengalaman hidup seharian yang berlaku dalam bentuk yang bukan formal. Selain memaparkan perkongsian aktiviti, dialog kehidupan dalam bentuk *non-verbal* ini juga mengabung jalinan perkataan, tindakan dan konteks dalam sesuatu perkongsian aktiviti seperti mengadakan majlis berbuka puasa bersama rakan bukan Muslim, gerakan anti perang dan menghidupkan minggu kesedaran Islam. Aktiviti yang dikenali '*performing mode*' memaparkan setiap peserta mempraktikkan amalan agama masing-masing dalam kehidupan seharian mereka. Tuntasnya, pengalaman sebegini akan membina kefahaman penganut agama lain terhadap agama Islam melalui dialog bukan lisan yang diperlihatkan dalam bentuk tingkah laku oleh masyarakat Muslim. Justeru, elemen pengalaman hubungan antara agama yang berlaku dalam bentuk yang dirancang atau sebaliknya memaparkan pengalaman merentasi budaya dan agama yang mampu mengukuhkan perpaduan kaum boleh diketengahkan dalam dialog kehidupan yang mempertemukan sesiapa sahaja dalam kalangan masyarakat awam yang berbeza agama khususnya dalam arena pendidikan.

## METODOLOGI

Penelitian dilakukan melalui data-data deskriptif kaedah kualitatif persampelan bertujuan (*Purposive sampling*) yang merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Sunawari, 2009; Mohd Najib, 2003). Kajian temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara *focused interview* ke atas 20 orang responden Saudara Muslim Cina yang telah melakukan pemeluk agama Islam di negeri Terengganu. Sebelum kajian temu bual dilaksanakan, penulis memohon kebenaran daripada Ustaz Abdul Halim Lim Abdul Rahman, pengetua kompleks di Darul Hidayah. Ini adalah kerana, hal-hal yang berkaitan Saudara Baru di negeri Terengganu adalah di bawah bidang kuasa beliau. Kaedah temu bual dilakukan bagi mendapat maklumat secara langsung tentang sejarah dan pengalaman peserta kajian dalam dialog kehidupan pada sebelum memeluk agama Islam. Para peserta kajian merupakan Saudara Muslim yang melibatkan diri dalam kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu). Justeru, soalan-soalan yang dikemukakan kepada peserta kajian sehinggalah data yang diperolehi menjadi tepu dan dapat menjawab persoalan serta objektif kajian yang dijalankan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Biarpun fokus kajian ini di daerah Kuala Terengganu, namun ia mencerminkan fenomena yang berlaku dalam komuniti Cina di negeri Terengganu kerana majoriti masyarakat Cina adalah menetap di daerah Kuala Terengganu dan kebanyakan pengislaman datangnya dari daerah ini serta mengambil kira situasi ramai komuniti Cina berhijrah dari daerah-daerah lain ke Kuala Terengganu. Secara tidak langsung peserta kajian yang terlibat menggambarkan pengalaman hidup mereka di daerah asal. Mengambil kira persekitaran dan latar budaya hidup peserta kajian yang berbeza, dengan itu ia mampu mewakili seluruh pandangan masyarakat Cina di negeri Terengganu.

Walaupun terdapat beberapa aspek yang dikenal pasti mendorong komuniti pra konversi Cina terlibat dalam dialog kehidupan seperti faktor pergaulan, kerjasama kegiatan dengan komuniti Melayu Muslim, dorongan ahli keluarga yang telah memeluk agama Islam, namun makalah ini hanya mengetengahkan pengalaman dialog kehidupan yang berpunca daripada pendidikan bersama-sama yang berlaku di sekolah. Tidak dinafikan bahawa alam persekolahan dilihat sebagai satu instrumen bagi mereka mengenal agama masyarakat Muslim dengan lebih akademik, secara spontan dan tidak terkawal. Hasil dapatan menunjukkan proses mengenal agama Islam dalam kehidupan masyarakat Cina pra konversi di negeri Terengganu banyak berlaku melalui perkongsian pendidikan di sekolah-sekolah. Pengalaman awal ini diceritakan oleh peserta kajian Resp # 05 (Teochew) sebagaimana berikut;

*“Sewaktu saya sekolah, masa dari sekolah rendah lagi masa tu kalau kelas agama kita nak keluar pun tak apa kalau tak nak keluar pun tak apa.. kebanyakan saya tak keluarlah ...join juga duduk dalam kelas. Dalam kelas kita itu ada 3 orang sahaja orang Cina. [Kita dok wak (tidak membuat) bising, kita dengarlah apa ustaz kabor (bagi tahu), sekiranya kita tidak faham kita akan tanya kawanlah]”.*

(Resp # 05 Teochew)

Pengetahuan agama lain memudahkan peserta kajian melakukan kajian perbandingan tentang ‘kehidupan manusia’ yang berlaku dalam tradisi agama sendiri dengan agama orang lain. Pada tahap ini masyarakat Cina pra konversi berfikir secara kritikal bagi menyelesaikan persoalan yang membelenggu minda mereka. Menurut Munir et al. (2008), pemikiran kritikal cenderung kepada mencari dan mengenal pasti kelemahan, kesilapan dan kecacatan terhadap sesuatu idea. Matlamatnya adalah untuk mencari, menganalisis dan mencari alasan yang bertepatan. Justeru, kaedah pengajian agama yang bersifat teori dan amali membuka ruang yang luas kepada masyarakat Cina pra konversi untuk mencari kefahaman dan kebenaran tentang nilai agama rakan sekelas secara lebih komprehensif. Begitu jugalah peserta kajian Resp # 06 (Hokkien) menyatakan bahawa keinginan untuk memahami nilai-nilai keagamaan Islam selanjutnya dimanifestasikan dengan mengambil subjek agama Islam semasa SRP, SPM dan mata pelajaran Sejarah Islam pada peringkat STPM. Keadaan ini sedikit sebanyak ia memberi maklumat tentang fenomena sebenar yang berlaku dalam kehidupan manusia yang berbeza agama khususnya dalam kalangan rakan-rakan Muslim di sekolah. Ini dijelaskan sebagaimana temu bual berikut;

*“...sekolah saya campur dengan orang Melayu daripada darjah satu sampai darjah enam. Saya [mendengar cikgu-cikgu mengajar agama] dan sebagainya tentang [syariat, akidah dan akhlak]... saya tak keluar, saya dengar cikgu-cikgu bagi kuliah agama... lepas tu dari form 1 hingga form 2, I ambil pengetahuan agama Islam, masa SRP.. masa SPM pun sama juga. Lepas tu masa STPM, [I ambil subjek sejarah Islam.. banyak baca tentang kisah-kisah Islam]... at the same time I banyak baca kisah tentang*

*Buddha ...saya juga banyak membaca tentang Kristian, saya tengok kitab Injil, saya tengok al-Quran yang diterjemahkan... saya baca kitab-kitab Buddha ... daripada itu saya buat perbandingan-perbandingan”*  
(Resp # 06 Hokkien)

Dialog kehidupan komuniti pra konversi Cina memaparkan proses ‘*historical acculturation*’ yang berlaku di kampung-kampung ini disusuli dengan perkongsian pembelajaran di sekolah-sekolah. Rasa ingin tahu (*curiosity*) yang bertitik tolak daripada pemerhatian terhadap fenomena keagamaan yang berlaku di sekeliling rakan Muslim serta pengalaman dialog kehidupan telah membuka langkah dalam kalangan komuniti Saudara Baru pra konversi untuk terlibat secara langsung dalam hal yang berbeza daripada agama sendiri. Ini bermakna, dialog kehidupan membuka ruang yang luas kepada peserta kajian mengenali agama dan tingkah laku masyarakat Muslim secara lebih dekat. Sehubungan dengan itu, Abdul Aziz (2003) berpandangan pembelajaran mempunyai peranan mengisi pembentukan citra dan imej kebudayaan yang seterusnya mampu mengetengahkan identiti yang boleh dikongsi. Peserta kajian di bawah menyatakan bahawa beliau dengan rela hati melibatkan diri dalam kelas agama Islam di sekolah bagi mengetahui apa yang sebenarnya berlaku di dalam kelas tersebut. Pengalaman peserta kajian Resp#14 (Hailam) ini dijelaskan sebagaimana berikut;

*“Waktu dalam kelas, masa ustaz saya marilah (ikut serta), sibuk kita nak gi belajar, nak gi belajarlah, “eh u Cina sibuklah u tak payahlah” kawan saya kata, lepas tu kawan saya yang lain kata, “nak ikut...ikut jelah”..pergilah saya tengok apa yang dia (rakan-rakan Melayu) belajar. [Kadang-kadang ustaz cerita bab nabi... saya tengok orang Melayu mengaji]”.*

(Resp#14 Hailam)

Pendek kata, proses mengenal dan memahami agama Islam bukan hanya berlaku di Sekolah Kebangsaan Melayu sahaja malahan termasuk juga di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Oleh sebab terdapat pelajar yang beragama Islam menuntut di sekolah beraliran Cina, maka dengan itu pihak kementerian pendidikan menyediakan guru agama Islam bagi memberi pendedahan pendidikan agama yang khusus kepada pelajar Muslim. Biarpun begitu, maklumat tentang agama Islam diperolehi secara tanpa sengaja apabila wujud hubungan akrab antara rakan yang berbeza agama. Mengambil contoh pengalaman peserta kajian Resp # 01 (Hokkien) yang menunggu rakan Muslim di luar bilik darjah sebelum pulang mendedahkan secara spontan sedikit sebanyak tentang agama Islam. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut;

*“Sewaktu di sekolah rajin juga saya dengar-dengar (curi dengar) ustaz bagi kelas agama bagi orang Islam. Biasanya orang Islam balik lewat sedikit... sebab mereka ada kelas agama pada waktu tengah hari... Nurul baik dengan kawan-kawan Melayu... pergi sekolah sama-sama, balik sekolah pun sama-sama. Apabila tunggu dia, [Nurul duduk di luar kelas... dengarlah ustaz mengajar fardu ain ...Lepas itu Nurul masuk dalam kelas, saya join sekali ...sampai boleh ingat fatihah bila ustaz suruh hafal]”.*

(Resp # 01 Hokkien)

Menurut Mohd Zin (2007), pengetahuan masyarakat Cina tentang agama Islam dan Muslim pada asalnya terbatas hanya kepada beberapa perkara seperti masjid sebagai tempat ibadah masyarakat Muslim, masyarakat Muslim bersembahyang, berpuasa, berkahwin empat dan berkhatan. Melalui perkongsian dalam dialog kehidupan, masyarakat Cina diperkaya dan diperhalusi lagi perihal agama dan budaya masyarakat Melayu Muslim dalam segenap kehidupan. Senario dialog kehidupan yang berlaku kepada peserta kajian Resp # 03 (Hokkien) memaparkan tahap penglibatan yang pelbagai yakni dari peringkat memerhati sehinggalah melibatkan diri secara langsung dalam perihal agama rakan Muslim. Kata-kata peserta kajian “Saya tak keluar kelas sebab minat” menunjukkan betapa pendidikan di sekolah yang sama mendekati lagi responden terhadap asas-asas pendidikan Islam. Pengalaman dijelaskan sebagaimana berikut;

*“Saya tak keluar kelas (kelas agama) sebab minat.. sebab [dulu orang Cina boleh belajar jawi]... ada kelas jawi ... [jadi orang Cina pun tengok dan belajar dalam kelas jawi]”.*

(Resp # 03 Hokkien)

Selanjutnya, dialog kehidupan yang berlaku di sekolah memaparkan penglibatan secara langsung dalam aktiviti agama pelajar Muslim. Bertitik tolak daripada memerhatikan amalan masyarakat Muslim, masyarakat Cina membuka ruang untuk berfikir dan bertanya (berdialog) dengan rakan Muslim atau pakar dalam bidang agama. Wacana yang tercetus adalah lahir dari pemerhatian peserta kajian terhadap tingkah laku masyarakat Muslim dalam

beragama. Justeru, dialog yang berlaku antara peserta kajian dengan ‘orang yang pakar dalam agama Islam’ bertujuan meleraikan kekusutan dan persoalan yang timbul dalam benak fikiran. Misalnya peserta kajian Resp # 20 (Hokkien) ingin mendapat penjelasan daripada ustaz kenapa setiap Muslim diwajibkan melaksanakan solat. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana berikut;

*“Kalau kat sekolah saya pernah dengar kelas ustaz macam bab sembahyang, [saya tanya kenapa kena sembahyang, ustaz tu kata kalau nak sembahyang kena mengucap dulu, bila kita mengucap kita kena diri sembahyang moleklah]”*.

(Resp # 20 Hokkien)

Ternyata dialog kehidupan memberi implikasi yang besar kepada para peserta. Mitias dan Abdullah (2004) menyatakan bahawa dialog mampu meningkatkan kesedaran dan kefahaman untuk menghormati perbezaan yang ada pada orang lain. Ini jugalah yang dinyatakan oleh Swidler (2003) bahawa matlamat dialog ialah setiap peserta mempelajari nilai yang ada pada orang lain ‘*each side to learn and learn accordingly*’. Pengalaman peserta kajian Resp # 08 (Hokkien) yang mampu memberi jawapan terhadap soalan yang dikemukakan oleh ustaz menunjukkan semakin kerap masyarakat Cina terlibat dalam dialog kehidupan semakin banyak kekeliruan tentang agama orang dapat dirungkaikan. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana berikut

*“Saya pernah dengar ustaz mengajar.. masa tuu saya darjah dua, kalau ustaz tanya fardu ain apa? [Saya kata mende yang wajib di ketahui oleh orang Islam, saya boleh jawab, budak-budak Melayu dok leh jawab]. Dulu saya sekolah Melayu”*.

(Resp # 08 Hokkien)

Penglibatan komuniti Cina pra konversi dalam dialog kehidupan untuk memahami agama Islam adalah berlaku secara jujur. Boleh dikatakan dialog dengan orang yang pakar dalam agama membuka ruang yang luas bagi peserta kajian untuk menerokai fenomena keagamaan yang berlaku dalam kehidupan rakan Muslim. Peserta kajian Resp # 07 (Hokkien) menyatakan bahawa respons yang baik tentang persoalan yang ditimbulkan telah membuka langkah selanjutnya untuk dirinya terlibat dalam urusan agama rakan Muslim pada peringkat akar umbi. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut;

*“Saya pergi sekolah saya tanya ustaz , ustaz pun kata, dok apa awak mari ustaz ajar baca Quran ...[saya bacalah Quran], kalau ada orang pergi sembahyang awak pergilah tengok orang sembahyang, masa tu saya masih Buddha lagi, semua itu saya pergi tengok, ustaz kata kalau ada orang terselak kain semasa sembahyang awak tolonglah tarik tapi hendak naik atas surau itu awak kena ambil air sembahyang Lepas itu ustaz ajarlah, ustaz ajar... dia ajar [saya baca Quran dalam kelas] lepas itu ... jadi pandailah masa tu ..[boleh mengajilah masa itu]... Bila kata bila saya naik tingkatan 6, kalau cikgu sedang membaca Qur a ‘uzu rabbinnas, [kita boleh faham ayat ni ayat pendek sahaja]”*.

(Resp # 07 Hokkien)

Berkait dengan transkrip di atas juga, di dapati wujud dalam kalangan peserta kajian terlibat secara langsung dalam praktikal fardu ain seperti mengambil air sembahyang, ujian jawi dan membaca al-Quran. Biarpun peserta kajian tidak mengharapkan lulus yang baik dalam ujian yang diikuti, perkongsian kegiatan tersebut sedikit sebanyak mampu memberi jawapan terhadap persoalan yang timbul yang berkait perihal keagamaan rakan Muslim. Pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut;

*“Masa tu saya darjah satu hingga darjah 6, jadi masa dahulukan ustaz suruh baca al-Quran kan ramai-ramai, saya pun ikut, [bila ada ujian jawi ...dok lulus tapi ambek jugok]...ada juga dia soal-soal tapi dok luluslah sebab kita tidak belajar di rumah ...ingat-ingat gitu je. Kalau agama ambil juga peperiksaan cuma lulus dok comellah dok macam budak Melayu. [Join jugak praktikal dia orang macam air sembahyang gitu ah]”*.

(Resp # 13 Hakka)

Al-Qwadi (2002) menyatakan bahawa interaksi sosial antara Muslim dan bukan Muslim mendedahkan secara langsung tentang agama Islam melalui perilaku para pemeluknya. Justeru, berdasarkan hasil dapatan temu bual, ternyata peserta kajian Resp # 09 (Kantonis) cuba mengkonstruk pemahaman agama dan budaya masyarakat yang lain melalui jalinan perkongsian dialog kehidupan di sekolah. Berbeza dialog kehidupan yang berlaku di kampung,

peserta kajian tidak berhadapan kekangan dari pihak keluarga apabila melibatkan diri dengan rela hati dalam pembelajaran agama Islam di sekolah. Pengalaman ini diceritakan sebagaimana berikut;

*“Saya adalah join, ada dalam kelas, tidak pergi di luar atau ke kelas pengajian moral... Sekolah Tengku Bariah, [sekolah itu ramai Melayu joinlah baca Quran sekali, ustaz kata Ong baca ini, baca bismillah...] Kadang tanya ustaz, ustaz beritahulah...ustaz nak ambek air sembahyang nak naik atas surau, ambillah air sembahyang biar bersihlah, ambil air sembahyang tu kita bersih diri kita ... [jadi kita pun ikut aje lah] mak ayah kita tidak ajar macam itu, cuma dia ajak pergi kuil sahaja untuk sembahyang”.*


(Resp # 09 Kantonis)

Selain itu, dialog kehidupan juga memaparkan setiap peserta empati terhadap perasaan suka dan duka yang dialami oleh rakan yang berbeza agama. Pengalaman seterusnya memperlihatkan bagaimana peserta kajian cuba merasai kesukaran yang dialami oleh rakan Muslim ketika berpuasa. Peserta kajian Resp # 07 (Hokkien) menceritakan pengalaman dirinya mengikuti amalan yang wajib agama Islam seperti berpuasa yang dilaksanakan oleh rakan-rakan Muslim. Dalam konteks ini, timbul perasaan ‘*curiosity*’ dan sikap empati diri peserta kajian terhadap kepayahan yang dilalui oleh rakan-rakan Muslim ketika melaksanakan kewajipan berpuasa di bulan Ramadan. Ini diceritakan sebagaimana berikut;

*“Ada kawan saya cadangkan, kamu nak berpuasa tak, Ong cubalah berpuasa,, cuba separuh hari sahaja, [puasalah saya selepas itu, sewaktu berpuasa saya merasa lapar dan saya kabar (menyuarakan) untuk berbuka, kemudian kawan saya berkata Ong cuba kamu baca ayat ini (ayat al-Quran) .....saya sempat berpuasa dalam beberapa hari] dalam bulan Ramadan”.*

(Resp # 07 Hokkien)

Dialog kehidupan membuka ruang yang luas kepada peserta kajian mengenali agama dan tingkah laku rakan Muslim secara lebih dekat. Sehubungan dengan itu, Ting Chew Peh (2003) mengemukakan teori hipotesis kontak (*contact hypothesis*) dengan menyatakan bahawa kedekatan fizikal (misalnya dalam bangunan yang sama) membolehkan para pelajar bergaul bebas yang seterusnya merangsang ke arah persefahaman dan toleransi. Mengukuhkan lagi kenyataan, Rohaty (2003) merumuskan bahawa kedekatan fizikal merapatkan percampuran yang memberi peluang kepada mereka mempelajari individu lain. Oleh itu, ‘faktor kedekatan’ merupakan satu faktor yang kuat untuk memahami nilai yang ada pada sesebuah kaum dan seterusnya mendorong kepada pemupukan toleransi. Justeru itu, Khadijah dan Khairul Nizam (2005) menyatakan bahawa hasil dialog akan lebih bermakna sekiranya ia melibatkan masyarakat awam sepenuhnya. Suraya (2012) menyatakan bahawa dialog kehidupan mampu merungkaikan permasalahan yang menjadi penghalang dalam beragama. Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dinyatakan bahawa selain menjadi instrumen pembelajaran agama dan budaya masyarakat lain, dialog kehidupan dapat meluaskan lagi horizon pemikiran agama dan *world view* setiap peserta kajian. Dalam kata lain, ianya merupakan satu proses pembelajaran yang memberi faedah bersama dengan memahami pandangan dan perbezaan cara hidup dan nilai masing-masing. Gambaran pengalaman jalinan dialog kehidupan peserta kajian sebagaimana yang dipaparkan melalui pengalaman di atas adalah sebagaimana berikut:



**Rajah 1. Skema efektiviti peserta kajian dalam dialog kehidupan (Sumber: Hasil kajian)**

## KESIMPULAN

Pengalaman pendidikan bersama yang dipaparkan pernah dilalui oleh peserta kajian yang terdiri daripada Saudara Baru Cina ketika pra konversi memperlihatkan jalinan dialog kehidupan yang berlaku di sekolah banyak mendedahkan komuniti ini terhadap pemahaman agama Islam yang lebih jelas. Pengalaman yang bertitik tolak daripada observasi terhadap tingkah laku pelajar Muslim dalam menguruskan perihal agama mereka menimbulkan perasaan ingin tahu lebih mendalam tentang fenomena yang berlaku dalam masyarakat Muslim. Ternyata, penglibatan komuniti Saudara Baru pra konversi dalam dialog kehidupan mendedahkan peserta kajian untuk menghargai, menerima dan menghormati perbezaan yang ada pada masyarakat lain. Ini bermakna jalinan dialog



kehidupan yang berlaku di sekolah ini menjadi satu mekanisme agar masalah prasangka, ekstrem dan fatalism tidak menjadi semakin buruk khususnya apabila masyarakat awam bercampur dengan kepelbagaian agama dan budaya.

## RUJUKAN

- Abdullah, Mohd Ridhuan Tee. "Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan." *Jurnal Hadhari* 2.1 (2010): 61-84.
- Abdul Aziz Deraman. 2003. "Sosiobudaya 2020." Dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 236-60. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.
- Abdullah Mohd Zin. 2007. "Dakwah dalam Masyarakat Cina dan Orang Asli." Dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*, ed. Abdul Ghafar Don, Berhanudin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani, 117-34. Bangi: UKM.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Al-Faruqi, Ismail. 2008. *Islam Dan Kepercayaan Lain*. Ter. Zulkiplee Abd Ghani. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Al-Qwidi, M. 2002. "Understanding The Stages Of Conversion To Islam The Voices Of British Converts." Tesis Kedoktoran University of Leeds.
- Azizan Baharuddin, "Peranan Dialog Peradaban Di Dalam Wacana Tamadun Malaysia", *Jurnal Peradaban – Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya*, Jilid 1, (2008): 1-20.
- Dawi, A. H. 2010. "Kepentingan Identiti dan Perjuangan Etnik", dalam Masyarakat Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Minoriti dan Majoriti: Bahasa, Budaya dan Identiti*, Kuching, Sarawak, (23-24 November 2010).
- Fitzgerald, M.L., "The Catholic Church and Interreligious Dialogue" laman sesawang *Buletin 75, Oktober 2005*. Dicapai 23 November 2011, (<http://76.227.210.78/a.php?id=723>).
- Hensman, J.M., "The Dialogue of Life as the Locus of Non-verbal Interreligious Dialogue" *East Asian Pastoral Review*, 36, no.3 (1999) dicapai 10 Disember 2011, <http://eapi.admu.edu.ph/content/dialogue-life-locus-non-verbal-interreligious-dialogue>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2010). Laporan Kependudukan Negeri Terengganu 2010. Putra Jaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kamar Oniah Kamaruzzaman. 2010. *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective*. A Collection Seminar Papers. Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia.
- Khadijah Mohd Khambali @ Mohd Nizam Abd. Karim. 2005. "Interaksi dan Dialog Agama (Dialog Peradaban): Satu Paparan," dalam *Islam dan Dialog Peradaban Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharuddin. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Suraya Sintang. 2010. "Peranan Sekolah Agama Dalam Jalinan Dialog Kehidupan Ummah di Malaysia." Dalam *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*, ed. Mustafa. Abdullah & Faisal Ahmad Shah, 159-72. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Khadijah Mohd Hambali @ Khambali, Suraya Sintang & Nor Adina Abdul Kadir, "Peranan Teratak Fitrah Dalam Melestarikan Jalinan Dialog Kehidupan Saudara Baru Sabah." Makalah Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita: Isu dan Cabaran Semasa (9-10 Okt 2010: Pulau Pinang). Prosiding, penyunting: Mohd. Nizam Sahad dan Suhaila Abdullah (Pulau Pinang: Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia).
- Lamat Jusoh, "Komuniti China di Kuala Terengganu", *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, (1975/76), 1-20.
- Mahadzir Mohd Khir. 2005. "Sekolah Wawasan Sebagai Asas Dialog Peradaban." Dalam *Dialog Peradaban Peranan dan Kepentingannya di Malaysia*, ed. Azizan Baharuddin, Mohd Khairuddin Mohamad, Faridah Noor Mohd Noor & Ahmad Syahir Sarani, 42-8. Kuala Lumpur: INMIND & Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2007. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Mansor Mohd Noor, "Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara", *DEMOKRASI* Vol. IX No. 2 (2010):185-207.

- Mitias, Michael H. dan Abdullah Al-Jasmi. "Intercultural Dialogue." *Dialogue and Universalism* 14 (3-4) (2004): 143-62.
- Mohd Farid Mohd Sharif, Mohd Nizam Mohd Sahad & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Respons Pelajar Terhadap Pluralisme Agama Dalam Konteks Masyarakat Plural Di Malaysia." Makalah Seminar Pemikiran Islam III, (2012): 175-88.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Taib Osman. "Integrasi Dan Asimilasi Budaya-Budaya Tradisional." Dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 414-24. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM, 2003..
- Muhammad Nur Manuty, "Inter-Civilization Dialogue at the Community Level: The Case of Malaysia Society" *Kertas Kerja Seminar Civilisational Dialogue Present Realities, Future Possibilities*, (1997), 1-3.
- Munir Shuib, Azman Azwan Azmawati, Azlena Zainal. 2008. *Menyelesaikan Masalah Secara Sistemik Dan Efektif*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Norhana Ng Abdullah. Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu, merangkap Pengerusi MACMA Terengganu. Dalam temu bual dengan penulis pada 12. Mac 2012 (11.00 pagi) di Pejabat Darul Fitrah di Bukit Besar, Kuala Terengganu.
- Osman Bakar. 2008. "Challenges to Dialogue of Civilizations And Ways of Overcoming Them." Dalam *Dialogue of Civilizations and The Construction of Peace*, ed. Thomas W. Simon & Azizan Baharuddin, 23-39. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal, Dialog Antara Agama: Realiti dan Prospek Di Malaysia, *Kajian Malaysia*, 29:2, (2011): 91-110.
- Rohaty Mohd Majzub. 2003. "Polarisasi Dalam Situasi Pembelajaran." Dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 501-12. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Samwini, N.I. 2010. "The Need for and Importance of Dialogue of Life in Community Building: The Case of Selected West African Nations. A forum for academic, social, and timely issues affecting religious communities around the world" dicapai 10 November 2011, [www.irdialogue.org/submissions](http://www.irdialogue.org/submissions).
- Seman, Ahmad Ali Bin, Warti bt Kimi, Saipo bin Ayub. "Pendidikan Multikultural (Kepelbagaian Budaya) dalam Mata Pelajaran Hubungan Etnik dari Perspektif Islam: Satu pandangan." *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG*. Vol. 1. No. 1. 2012.
- Suraya Sintang. 2012. "Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah; Kajian Pengalaman Saudara Baru" (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya).
- Swidler, L., 2003. *Dialogue in Malaysia and the Global scenario*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Syed Husin Ali 2008. *Ethnic Relations In Malaysia Harmony & Conflict*. Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre, 2008.
- Tan Chee Beng. 2002. *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Ting Chew Peh. 2003. "Integrasi Nasional Melalui Pendidikan: Beberapa Cabaran Kita" Dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri Baharuddin, Rahimah A. Aziz, Abdul Rahman Embong, Mohamed Yusof Ismail dan Kamaruddin M. Said, 407-413. Bangi: Jabatan Perpaduan Negara & UKM.
- Volker, Kuester, "Who, With Whom, About What? Exploring the Landscape of Inter Religious Dialogue", *Exchange* 33.1. (2004): 73-92.
- Wan Ariffin Wan Yon et al., "Bridging The Muslim – Christian Relations Through Dialogue of Life: Muslim Perspective". *International Conference on Social Science and Humanity*. (2011)

## **PESERTA KAJIAN**

Resp # 01 (Hokkien). Dalam temubual dengan penulis di kediaman beliau di Kampung Hiliran pada pukul 11.00 pagi pada 9 April 2012.

Resp # 03 (Hokkien). Dalam temubual dengan penulis di kediaman ibu mertuanya di Kampung Seberang Takir, Kuala Terengganu, jam 5 petang pada 6 Julai 2012.

Resp # 05 (Teochew). Dalam temubual dengan penulis di kediaman beliau di Lot 3484 – A Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu, jam 5.08 petang pada 13 November 2012.

Resp # 06 (Hokkien). Dalam temubual dengan penulis di kediaman beliau di Pangsapuri Permint Harmoni, Jalan Cherung Lanjut, Kuala Terengganu pada pukul 12.30 tengahari pada 14. November 2012.

Resp # 07 (Hokkien). Dalam temubual dengan penulis di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.55 pagi pada tarikh 19 November 2012.

Resp # 08 (Hokkien). Dalam temubual dengan penulis di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.30 pagi pada tarikh 19 November 2012.

Resp # 09 (Kantonis). Dalam temubual dengan penulis di Kompleks Darul Hidayah, jam 11.00 pagi pada tarikh 21 November 2012.

Resp # 13 (Hakka). Dalam temubual dengan penulis di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.30 pagi pada tarikh 25 November 2012.

Resp # 14 (Hailam). Dalam temubual dengan penulis di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.50 pagi pada tarikh 25 November 2012.

Resp # 20 (Hokkien). Dalam temubual dengan penulis di Kompleks Darul Hidayah, jam 9.30 pagi pada tarikh 15 Disember 2012.